

Menghidupkan 10 Malam Terakhir Ramadhan

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَأْتِيهَا الْمُرْمَلُ ﴿١﴾ فَمِ الْبَلِّ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِصْفَهُ، أَوْ أَنْقُصَ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدَ عَلَيْهِ

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan dengan mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala serta melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan Ramadhan yang kita lalui pada kali ini lebih mendidik kita sebagai hamba Allah Subhanahu wa Taala yang benar-benar bertaqwa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Kita berada pada 10 terakhir bulan Ramadhan al-Mubarak. Di saat ini ada golongan yang mula tersenyum lebar kerana menganggap Ramadhan menghampiri ke

akhirnya, mereka mula membuat persiapan bagi menghadapi Hari Raya pada bulan Syawal. Ada di kalangan mereka telah mula mengurangkan amal ibadah seperti solat Tarawih kerana kesibukan masing-masing dalam menghadapi Hari Raya. Ke mana hilangnya pertimbangan mereka terhadap ganjaran besar yang Allah Subhanahu wa Taala sediakan di bulan ini? Ke mana hilangnya penilaian mereka terhadap 10 hari terakhir bulan ini? Bukankah mereka tahu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri seorang Rasul yang dijamin keampunan dosanya yang dahulu dan terkemudian sanggup meninggalkan keselesaan di rumah beriktikaf di masjid kerana merebut kelebihan 10 hari terakhir bulan Ramadhan.

Pada bulan Ramadhan terdapatnya satu malam yang dinamakan Lailatul Qadar. Pahala beribadat pada malam itu melebihi pahala seribu bulan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qadr ayat 1-5:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ نَزَّلَ الْمَلَكُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: “ Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran ini pada malam al-Qadr, dan apakah engkau dapat mengetahui, apa dia kebesaran malam al-Qadr itu? Malam al-Qadar itu lebih baik dari seribu bulan. Pada malam itu para Malaikat dan Jibril turun dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Sejahteralah malam yang berkat itu sehingga terbit fajar ”.

Berdasarkan ayat tersebut, jelaslah bahawa Lailatul al-Qadar mempunyai kelebihan yang begitu besar, maka seharusnya kita berusaha dan tidak mensia-siakan peluang malam yang dijanjikan itu. Bagi orang yang beriman mereka berazam mencari peluang yang disediakan dengan berlumba-lumba untuk beribadah pada sepanjang 10 malam terakhir Ramadan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوَيْثْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ

Yang bermaksud: “ Carilah Lailatul Qadar pada malam-malam ganjil pada sepuluh hari yang terakhir pada bulan Ramadhan. ”

Sidang Jumaat Yang di Rahmati Allah,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menghidupkan *sepuluh* malam terakhir sebagaimana yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA: “ *Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, apabila masuk sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengikat pinggangnya. Menghidupkan malam dengan beribadah dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadah.*

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam beriktikaf di masjid pada 10 malam terakhir Ramadan dengan mendirikan solat sunat terawih dan solat sunat yang lain, membaca Al-Quran serta memperbanyakkan doa kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Lailatul Qadar adalah malam yang amat ditunggu-tunggu oleh mereka yang menginginkannya kerana ia hanya berlaku pada satu malam sahaja sepanjang tahun. Maka beruntunglah siapa yang memperolehinya dan rugilah siapa yang melepaskannya.

Marilah kita menghidupkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada sepanjang 10 Malam terakhir Ramadan dengan memperbanyakkan berdoa dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu wa Taala sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang bermaksud: *“Saya pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seandainya saya mengetahui malam Lailatul Qadar dengan tepat. Apa yang patut saya akan doakan pada saat itu. Baginda menjawab berdoalah dengan doa berikut:*


اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا

Yang bermaksud: *“Ya Allah Ya Tuhanku sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan sentiasa memberi keampunan di atas kesalahan hamba-Mu oleh itu maafkanlah segala kesalahanku .”*

Mudah-mudahan Ramadan yang kita tempuhi ini akan menjadi titik perubahan pada diri kita untuk menjadi insan yang bertaqwa dan diredhai Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 186:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ^ط

فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ 

Yang bermaksud: *Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku: Maka (beritahu kepada mereka) sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir*

(kepada mereka), Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.